

Rosmah tak senang dengan sikap dwistandard
MalaysiaKini.com
February 16,2012

Isteri Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, - Datin Seri Rosmah Mansor hari ini membidas sikap dwi-standard masyarakat dalam perbandingan sifat-sifat di antara lelaki dan wanita.

"Sering kali apabila seorang wanita tegas beliau dilihat sebagai menyusahkan. Ada kalanya, beliau dituduh mengawal suaminya.

"Namun, apabila seorang lelaki menunjukkan sifat tegas, beliau dipuji dan dikatakan mempunyai keyakinan diri sendiri," kata Rosmah kepada kira-kira 250 hadirin yang terdiri dari wakil dunia korporat semasa ucapturnya pada Forum Kepimpinan Wanita.

Beliau memetik perkara itu semasa menjelaskan mengapa tidak terdapat banyak wanita bertindak sebagai 'game changers' atau 'pengurup permainan' dalam perniagaan, seperti pengasas bersama Apple Steve Jobs, pengasas Microsoft Bill Gates dan pengasas Facebook, Mark Zuckerberg.

Katanya, walaupun separuh daripada penduduk dunia adalah wanita, namun peranan mereka adalah kecil.

Merujuk, majalah Time dan The Huffington Post baru-baru ini yang menerbitkan ruangan khas bagi 'game changers' - hanya terdapat satu usahawan wanita di kalangan mereka - pengasas Code for Amerika, Jennifer Pahlka.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/189354>